

FIQH IMAM AL BUKHARI DALAM KITAB ADAB AL MUFRAD SATU SOROTAN AWAL

Wan Mohd Aswadi Wan Mat Yim¹, Norsaleha Mohd Salleh²

^{1,2}Universiti Islam Selangor

^{*1}*email: abuukasyah76@gmail.com*

Abstrak: Fiqh Imam al Bukhari adalah satu pemahaman istinbat (deduksi) hukum. Ia juga melibatkan adab dan hikmah yang diistinbatkan daripada hadis-hadis sahih al-Bukhari. Menurut para pengulas hadis sahih al-Bukhari seperti al-Asqalani (W852H) dan al-Aini (W855H), fiqh Imam al Bukhari ini dapat difahami melalui tarjamah al bab (tajuk-tajuk bab) dalam sahih Bukhari. Tujuan penulisan ini adalah untuk mengenalpasti fiqh Imam al Bukhari dalam kitab Adab al Mufrad yang ditulis oleh Imam Bukhari. Kajian ini menggunakan metode tinjauan literatur dan analisis data berkenaan fiqh Imam al-Bukhari yang terkandung dalam kitab Adab-al-Mufrad. Kajian ini mendapati kedalaman dan ketajaman fiqh Imam al-Bukhari dalam tarjamah al bab (tajuk-tajuk bab) pada kitabnya Sahih Al-Bukhari dan Adabul-Mufrad. Namun begitu, pemilihan hadis dalam Adab al Mufrad tidaklah seketat pemilihan hadis yang terkandung dalam kitab Sahih-al-Bukhari. Ini kerana dalam kitab Adab al Mufrad terdapat hadis-hadis yang mempunyai pelbagai darjahnya seperti hadis sahih, hasan, daif dan daif berat. Melalui penulisan ini memberikan satu pendedahan pemahaman fiqh Imam al Bukhari yang menjadi tumpuan para sarjana silam dan juga kontemporari dalam mengkaji aspek fiqh Imam al Bukhari. Penulisan ini juga mendedahkan bahawa fiqh Imam al Bukhari juga terkandung dalam kitab Adab al Mufrad.

Kata Kunci: Fiqh Imam al Bukhari, Imam al Bukhari, Sahih al Bukhari, Tarjamah al bab, Adab al Mufrad

Pendahuluan

Imam al Bukhari adalah seorang ulamak yang paling alim di dalam bidang hadis dan sanad hadis. Ini diakui oleh ulamak lain yang hidup pada zamannya sehingga berkata sebahagian dari mereka: “Tidaklah aku melihat orang yang paling mengetahui tentang ilmu hadis di bawah ketulan langit ini daripada Muhammad Bin Ismail al-Bukhari”. (Ukasyah Abdul Manan 1997). Namun, kealiman beliau juga terserlah dari sudut fiqh dan ulamak mengiktiraf kehebatan beliau dari sudut ijthihad fiqh sehingga telah berkata Nuaim Bin Hammad: “Muhammad Bin Ismail Bukhari adalah faqih umat ini dan guru kepada Imam Bukhari iaitu Muhammad Bin Basyar menggelarkan beliau sebagai “Ketua para ahli fiqh”. (Nuruddin Itr 2009). Kitab Sahih karangan beliau mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam ilmu hadis sehingga ulamak menggelarkannya sebagai kitab yang paling sahih selepas kedudukan kitab Allah (Al-Quran). Kandungan kitab ini bukan sahaja tertumpu dalam bidang riwayat al hadis (periwayatan hadis), malah terkandung dalamnya khazanah ilmu fiqh yang beliau masukkan dalam tarjamah al bab (tajuk-tajuk bab). Caranya dengan mengistinbatkan (deduktif hukum) hadis nabawi dengan seni intinbat yang pelbagai rupa sehingga telah masyhur di kalangan mereka satu slogan: “Fiqh Imam al Bukhari terkandung dalam tajuk-tajuk babnya”. (Nuruddin Itr 2009).

Istilah fiqh Imam al-Bukhari diambil daripada kata ulamak hadis yang berpendapat bahawa fiqh al-Bukhari terkandung pada tarjamah al bab (tajuk-tajuk bab) dalam Sahih al-Bukhari. (al-Asqalani 1397). Seseorang orang, salah memahami pernyataan tersebut sehingga mereka memahami al-Bukhari sebagai seorang mujtahid, cumanya beliau tidak menulis kitab fiqh seperti imam mujtahid yang lain. Beliau hanya memasukkan ijthad fiqhnya dalam tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) dalam kitab Sahih al-Bukhari. Mereka memahami makna fiqh di sini secara istilah, yakni bermakna ilmu fiqh. Sedangkan makna asal dari pernyataan itu bermaksud fiqh secara bahasa iaitu tafaqquh (pemahaman). Maksudnya segala pemahaman, hikmah dan kedalaman fikiran al-Bukhari dari hadis yang diletakkan di bawah bab tersebut, dizahirkan secara ijmal (umum) dalam tarjamah-al-bab (tajuk bab). Beliau mengistinbatkan dari hadis tersebut segala isyarat dan kinayah (kiasan) serta intipati yang halus yang menyebabkan ramai di kalangan ulamak tidak dapat memahaminya. Beliau juga memasukkan pelbagai jenis pengetahuan dalam tarjamah-al-bab tersebut. (Syabbir Ahmad Usmani 1973). Persoalannya adakah pernyataan itu hanya terpakai pada kitab sahihnya sahaja? Adakah ianya tidak terpakai dalam kitab karangannya yang lain seperti Kitab Adab al-Mufrad, Khalq Af'al al- Ibad, Juz Raf' al-yadain dan sebagainya? Pengkaji berpendapat pernyataan tersebut bukanlah tertumpu pada kitab sahihnya sahaja, malah ruang pengkajian terbuka luas kepada kitab karangannya yang lain. Dalam kajian ini, pengkaji menumpukan kajian fiqh Imam al-Bukhari dalam kitab Adab-al-Mufrad. Kajian akan difokuskan dalam tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang disusun oleh Imam-al-Bukhari dalam kitab ini, kerana di sinilah terhimpun segala pemahaman, isyarat, hikmah, kinayah (kiasan), adab-adab dan intipati halus Imam al-Bukhari dalam memahami hadis.

Setakat pemerhatian pengkaji, fiqh Imam-al-Bukhari ini hanya tertumpu kajiannya dalam kitab Sahih-al-Bukhari sahaja. Justeru, konsep fiqh Imam al-Bukhari juga perlu dirungkai pada kitab karangan beliau yang bernama Adab-al-Mufrad. Kefahaman yang tepat tentang fiqh Imam al-Bukhari dalam kajian ini akan memberi nilai yang baik dan akhirnya mampu merungkai konsep fiqh Imam-al-Bukhari dalam perkara-perkara yang berhubung-kait dengan adab-adab, hikmah dan akhlak Islam. Dalam bab pertama kajian ini akan dimasukkan pengenalan dan latar belakang, permasalahan kajian dan objektif kajian ditulis secara berturutan. Begitu juga kerangka teoretikal, kerangka konseptual, definisi operasi, limitasi kajian, kajian lepas dan metodologi kajian yang digunakan juga dihuraikan dalam bab pertama. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan kajian.

Kajian Pustaka

Persoalan mengenai fiqh Imam al-Bukhari menjadi tajuk perbahasan yang khusus oleh para pensyarah hadis Bukhari seperti Ibnu Hajar Al-Asqalani (852H) dan juga Badarudin Al-Aini (855H) dan juga ulamak hadis lain. Tarjamah al-bab (tajuk-tajuk bab) akan menjadi medan perbahasan utama para ulamak dalam kajian tentang fiqh Imam al-Bukhari. Namun, setakat pemerhatian pengkaji, belum ada kitab atau kajian yang khusus yang dikarang oleh ulamak tentang fiqh Imam al-Bukhari yang terkandung dalam kitabnya Adab-al-Mufrad. Walaupun fokus utama para pensyarah hadis Bukhari berkenaan fiqh Imam al-Bukhari hanya tertumpu dalam Kitab Sahih al- Bukhari, seperti perkataan Ibnu Hajar: “Fiqh Imam al-Bukhari terkandung di dalam tarajim (tajuk-tajuk) dan bab-babnya “. (Ibnu Hajar al-Asqalani 852H).

Ini menunjukkan bahawa Imam al-Bukhari memasukkan masalah-masalah fiqh, adab-adab dan hikmah-hikmah yang beliau istinbatkan (deduksi) masalah-masalah tersebut dari nas-nas (teks) al-quran dan al-hadis. Ini terzahir dengan jelas dari tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang diletakkan olehnya tentang permasalahan tersebut. Kadang-kadang

terjemah-al-bab yang diletakkan beliau menggambarkan pendapat dan ijtihadnya sendiri dan kadang-kadang tajuk dan bab yang dibawa itu, mengisyaratkan kepada ikhtilaf para fuqaha dalam satu-satu masalah fiqh (Ibnu Hajar, 852H).

Imam al-Bukhari bukan sahaja seorang imam dalam bidang hadis, tapi beliau juga seorang ahli fiqh, malah seorang yang paling luas kefaqihannya pada zaman beliau. Hal ini terzahir dengan jelas dari seni amalan beliau dalam Sahih-al-Bukhari. (Ibnu Taimiyah, 1328H). Malah, Imam al-Bukhari telah menzahirkan kepakaran dan kedalaman fiqhnya dalam penyusunan bab-bab dalam kitab sahihnya dan beliau juga sebenarnya merupakan seorang Imam-al-Muhaddisin dan Imam-al-Fuqaha. (Az-Zahabi-748H). Pada umumnya, bila mana para ulamak ingin membuktikan kedalaman fiqh Imam al-Bukhari, selalunya mereka menyarankan untuk mengkaji dalam tarajim (tajuk-tajuk) dan abwab (bab-bab) dalam kitab Sahih-al-Bukhari. Dari situ kita dapat menilai betapa dalamnya ijtihad fiqh Imam al-Bukhari yang tanpa penghujung. (Az-Zahabi-748H).

Daripada nukilan-nukilan ulamak di atas, dapat kita fahami bahawa para ulamak mengkaji tentang kefaqihan Imam al-Bukhari khususnya dalam abwab (bab-bab) dan tarajim (tajuk-tajuk) yang disusun oleh beliau. Tumpuan mereka hanya dalam kitab Sahih-al-Bukhari sahaja. Sedangkan pengkaji memerhatikan, ketajaman fiqh Imam al-Bukhari juga terkandung dalam kitabnya yang lain, selain kitab sahihnya seperti di dalam kitab Adab-al-Mufrad dan kitab Khalq Af'al-al-Ibad. Tinggal lagi metode pemilihan hadis-hadis yang dimuatkan dalam kitab Sahih-al-Bukhari, lebih teliti dan lebih ketat berbanding kitab-kitab beliau yang lain. Ini kerana, objektif penulisan kitab yang berbeza. Antara sebab kitab Adab-al-Mufrad tidak menjadi fokus ulamak di dalam meneliti kefaqihan Imam al-Bukhari adalah kerana metode penulisan Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya, bukan sekadar ingin mengumpul hadis-hadis, malah bertujuan juga untuk beristinbat dari hadis-hadis tersebut. Berkata An-Nawawi (676H):

“Tidaklah menjadi tujuan utama Imam al-Bukhari dalam kitab Sahih-al-Bukhari hanya berpada dengan pengumpulan hadis dan memperbanyakkan matan-matan (teks) hadis semata-mata. Malah, tujuannya juga adalah untuk beristinbat (deduksi) hukum darinya dan mengeluarkan dalil-dalil yang dimuatkan beliau dari hadis-hadis yang dimasukkan di bawah terjemah-al-bab (tajuk-tajuk bab). Kemudian dalil-dalil itu terdiri daripada perkara-perkara usul dan cabang, zuhud dan adab serta contoh yang lain dalam bidang yang pelbagai”.

Sedangkan objektif Imam al-Bukhari dalam kitab Adab-al-Mufrad adalah untuk mengumpul hadis-hadis yang berkaitan dengan akhlak dan adab-adab islam serta amalan yang perlu dipraktis oleh seorang muslim dalam kehidupan seharian mereka. (Ibnu Hajar Syarah Bukhari). Pun begitu, tidak bermakna bahawa tidak terdapat unsur fiqh-al-Bukhari di dalam kitab Adab-al-Mufrad. Namun masalahnya, adalah belum terdapat kitab karangan ulamak atau sebarang kajian yang dibuat bagi mengkaji secara khusus tentang perkara ini. Kajian fiqh-al-Bukhari dalam kitabnya Adab-al-Mufrad adalah perlu dilakukan kerana sepertimana terdapat unsur-unsur ijtihad hukum dan fiqh-al-hadis Imam-al-Bukhari dalam kitab sahihnya, begitu juga sudah tentu terdapat sudut ijtihad hukum dan fiqh-al-hadis Imam al-Bukhari pada perkara yang melibatkan akhlak dan adab-adab dalam kehidupan seorang muslim. Ini kerana Imam al-Bukhari juga menghidangkan seni fiqh-al-hadis di dalam kitab Adab-al-Mufrad yang dimuatkan samada secara zahir atau tersembunyi khususnya dalam abwab (bab-bab) dan tarajim (tajuk-tajuk bab). Hal ini sudah tentu akan menjadi rujukan umum masyarakat dalam kehidupan moden hari ini.

Oleh sebab itu, pengkaji merasakan satu kajian yang komprehensif perlu dilakukan terhadap konsep fiqh Imam al-Bukhari pada kitab Imam al-Bukhari yang lain selain dari kitab Sahih-al-Bukhari. Pada kajian ini, pengkaji akan memberi tumpuan yang khas terhadap fiqh-al-Bukhari dalam kitab Adab-al-Mufrad. Untuk menghasilkan intipati dari fiqh-al-

Bukhari dalam kitab ini, pengkaji akan menumpukan kajian yang khas terhadap tarjamah al-bab (tajuk-tajuk bab) yang terkandung dalam kitab ini. Ini kerana, fiqh-al-Bukhari akan dapat dibongkar apabila kita meneliti tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang disusun oleh Imam al-Bukhari dalam kitabnya. Hal ini kerana, berdasarkan tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang disusun oleh Imam al-Bukhari, ia bukan semata-mata nama dari sebuah bab, malah ia adalah sebagai satu bentuk fikir seseorang faqih dalam menerangkan makna bagi sebuah hadis samada berbentuk umum, khas, mutlak, muqayyad, mujmal, mufassil dan sebagainya. (al-Asqalani 1397 H.13). Sebagai najijahnya, tarjamah al-bab ini merupakan suatu symbol atau kinayah (kiasan) yang bertugas sebagai wakil untuk menterjemahkan segala bentuk pandangan ijtihad, keluasan pemikiran dan ketajaman idea Imam al-Bukhari yang beliau istinbat (deduksi) dari samada ayat al-quran, hadis-hadis atau melalui asar sahabat dan tabi'in yang beliau masukkan di bawah tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab).

Metode

Kajian ini menggunakan beberapa metode, di antaranya adalah:

Metode Analisis

Data Metode ini digunakan bagi menganalisis, memerhati dan mengolah data-data yang dikumpul setelah melalui metode pengumpulan data. Antara metode analisis data yang telah digunakan untuk mencapai matlamat tersebut ialah:

Metode Induktif

Metode ini ialah cara untuk menganalisis data melalui kajian terhadap perkara perkara khusus bagi mendapatkan kesimpulan yang mutlak. Menurut Faiz dan Norhanani (2019), metode induktif bermula dengan pemerhatian secara global dan seterusnya teori digubal pada peringkat akhir kajian dan natijah daripada kajian yang dijalankan. Metode induktif adalah hampir sama dengan metode istiqlal dalam perbahasan fiqh Islam (Husin, 2021). Metode ini digunakan dalam bab 4, di mana akan dikaji fiqh Imam al-Bukhari di dalam tarjamah al-bab (tajuk-tajuk bab) dalam kitab Adab-al-Mufrad, lalu dianalisis dalam kerangka yang dikehendaki lalu membentuk metodologi Ilmiah yang menjadi pendekatan Imam al-Bukhari.

Metode Deduktif

Metode deduktif ialah uslub (cara untuk menganalisis data dengan berpandukan perkara-perkara umum untuk menghasilkan kesimpulan terhadap hal-hal yang khusus. Wilson (2010) pula menjelaskan bahawa pendekatan deduktif ialah membangunkan hipotesis berdasarkan teori yang sedia ada dan seterusnya mereka bentuk suatu kajian penyelidikan untuk menguji hipotesis tersebut. Metode ini hampir sama dengan metode istinbat (deduktif hukum) dalam perbahasan fiqh Islam (Husin, 2021). Metode ini digunakan dalam bab 2, dalam menghuraikan cara sesuatu hukum fiqh, adab dan hikmah yang di keluarkan dari tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang disusun oleh Imam al-Bukhari.

Metode Deskriptif

Menurut Sidek Mohd Noah (2002) reka bentuk kajian deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Metode deskriptif digunakan dalam bab 3, dalam menghuraikan biodata dan riwayat hidup Imam al-Bukhari dan sumbangannya dalam keilmuan yang khusus dalam bidang hadis dan fiqh islami.

Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji akan mengunjungi beberapa perpustakaan bagi mencari bahan yang berkaitan dengan kajian. Bahan-bahan yang dicari adalah seperti buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas-kertas seminar, akhbar dan lain-lain. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh pengkaji bagi mendapatkan sumber rujukan adalah:

- Perpustakaan Negara.
- Perpustakaan Kuala Lumpur
- Perpustakaan Utama, Universiti Islam Selangor (UIS)
- Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya.


Hasil dan Pembahasan

Kajian ini akan menggunakan beberapa kaedah dan teori, antaranya:

Kerangka Teoretikal Kajian

Kerangka teoretikal yang digunakan sebagai sandaran dalam kajian ini adalah konsep Fiqh al-hadis yang dikemukakan oleh al-Kandahlawi (1402H). Konsep ini dipilih kerana cakupan ilmu yang lebih luas dan lebih meliputi pelbagai aspek Fiqh al-Hadis yang mana beliau telah menggabungkan konsep Fiqh al-hadis yang diutarakan oleh dua orang ulamak yang hebat sebelum beliau iaitu Ad-Dahlawi (1762H) dan juga Syeikhul Hind (1920H). Menurutnya Fiqh al-hadis mengandungi tiga elemen yang penting iaitu elemen tarajim dan abwab (perletakan dan penyusunan tajuk-tajuk dalam bab). Yang ke-dua mengandungi aspek Munasabat (kesinambungan di antara tajuk bab dan hadis di dalam bab) dan yang ketiga adalah terkandung di dalamnya elemen ijtihad dan hukum (perletakan hukum yang lima). Ad-Dahlawi telah mengemukakan 70 usul tarajim (pemahaman tajuk-tajuk bab) di dalam kitab beliau yang menyebabkan ianya menjadi lebih luas dan lebih sinonim kepada konsep Feqah al-hadis Imam al-Bukhari.

Elemen tarajim dan abwab (tajuk-tajuk bab) merupakan elemen yang terbesar dalam kajian kerana ianya mengandungi uslub Imam al-Bukhari dalam mengistinbat (deduksi) hukum atau hikmah dan metodologi beliau dalam mengeluarkan dalil. Seterusnya melalui elemen munasabah pula membahaskan tentang keterkaitan di antara tajuk bab dan hadis utama di dalam bab samada secara dalil mutabaqat (lansung) atau secara iltizami (tidak langsung). Manakala pada elemen terakhir pula iaitu elemen hukum, akan dihuraikan ijtihad Imam al-Bukhari pada sesetengah hadis tentang dalil sesetengah hukum samada ianya wajib, sunat, harus makruh ataupun haram yang mana dapat dikenal-pasti dari tajuk-tajuk bab yang diletakkan beliau dan dari dalil-dalil Al-Quran mahupun hadis yang dimasukkan oleh beliau di bawah tajuk bab tersebut.



Rajah 1.1 Kerangka Teoretikal Kajian Mengenai Konsep Fiqhul-Hadis (Al-Kandahlawi, (2012)


Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual dalam kajian ini bermula dengan mengguna pakai konsep Fiqh al-hadis yang dikemukakan oleh al-Kandahlawi seperti yang dikemukakan dalam kerangka teoretikal kajian. Berdasarkan konsep fiqh al-hadis ini, analisis akan dilakukan pada kitab Adab al- Mufrad untuk menilai keberadaan elemen-elemen tersebut sepertimana disebutkan dalam kerangka teoretikal kajian. Dengan menggunakan model dan usul ini, aspek yang dikupas oleh Imam al-Bukhari dalam kitab Adab al-Mufrad yang boleh dikategorikan dalam bahagian tarajim, munasabah dan juga elemen hukum yang akan menjadi bahan utama kajian.

Secara umumnya, kitab ini ditulis oleh Imam al-Bukhari bertujuan untuk mengumpul hadis-hadis yang berkaitan akhlak dan adab-adab Islam. Beliau telah memuatkan hadis-hadis tersebut secara terperinci di dalam Kitab-al-Adab dalam kitab Sahihnya. Akan tetapi bukan semua hadis-hadis dapat dimuatkan beliau di dalamnya memandangkan metodologi pemilihan hadis adalah amat ketat di sisi beliau dalam kitab Sahih al-Bukhari. Lalu hadis-hadis yang tidak melepasi syarat-syarat yang diletakkan beliau dalam sahihnya yang berkaitan dengan akhlak dan adab telah dimasukkannya di dalam kitab Adab al-Mufrad secara berasingan.

Namun tidak bermakna dalam kitab ini tidak terdapat elemen-elemen fiqh al- hadis sepertimana yang terdapat didalam kitab sahih beliau. Tiga tunggak utama elemen Fiqh al-hadis iaitu elemen tarajim dan abwab, elemen munasabah dan elemen hukum dalam kitab Adab al-Mufrad akan menjadi aspek utama dalam kajian ini. Analisis ini akan mengkaji huraian dan kupasan Imam al-Bukhari (256H) berkenaan Fiqh al-hadis dalam kitab Adab al-Mufrad yang akan membahaskan tiga elemen utama tersebut. Hasil dan output kajian ini

adalah teori dan konsep Fiqh al-hadis yang juga diterapkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab beliau Adab al-Mufrad yang sudah tentu akan memberi faedah kepada para ilmuan, para penuntut ilmu dan juga kepada masyarakat awam pada amnya.



Rajah 2.2 Kerangka Konseptual Fiqhul-Hadis Berdasarkan Analisis Kitab *Adab-Al-Mufrad* Karya Al-Bukhari (256H)

Kajian ini akan memfokuskan tentang konsep Fiqh al-hadis hanya di dalam kitab Adab al-Mufrad. Disebabkan hadis-hadis dalam kitab ini mempunyai 1322 hadis dan mempunyai 644 bab yang dimasukkan berkaitan akhlak dan adab islami serta hubungan sesama manusia, maka kajian ini dilakukan kepada 200 hadis terawal dalam kitab ini dan skop kajiannya hanya difokuskan kepada tarjamah al-bab (tajuk-tajuk bab) dan juga munasabah (kesinambungan antara hadis dan bab) serta kecenderungan ijtihad Imam al-Bukhari di dalam meletakkan hukum tentang satu-satu masalah fiqh melalui bab sekiranya ada. Kitab-kitab karangan Imam al-Bukhari seperti kitab Sahih-al-Bukhari, kitab Khalq af'al-al-i'bad, kitab Tarikh-al-Kabir serta kitab-kitab yang dikarang ulamak yang berkaitan Fiqh al-Bukhari seperti Fiqhul Hadis i'ndal Imam Bukhari oleh Nuruddin Itr, dan kitab-kitab Fiqhul-Tarajim seperti kitab Syarah Tarajim Bukhari oleh Ad-Dahlawi (W1762M) dan kitab Al-Abwab Wat-Tarajim Bukhari oleh Mahmud Hasan Deobandi (W1920M), akan menjadi sumber sokongan untuk mengukuhkan kerangka yang diekstrak daripada rujukan utama tersebut.

Majoriti penulisan yang tersedia mengenai fiqh al-Bukhari dalam lapangan akademik hari ini adalah berkisar tentang kitab-kitab khusus yang terkandung dalam kitab Sahih al-Bukhari sahaja seperti kajian Fiqh Kitab-al-zakat, Kitab-al-solah, Kitab-al-Haj dan selainnya. Namun kajian masih tidak keluar dari lapangan kitab Sahih-al-Bukhari dan tidak ada kajian mengenai Fiqh Imam al-Bukhari dalam kitabnya yang lain seperti Adab-al-

Mufrad, Juz Raf' -al-Yadain dan Khalq Af'al-al-Ibad. Kajian- kajian tersebut ditulis dalam pelbagai bahasa seperti bahasa Melayu, Arab dan Inggeris. Antara kajian-kajian tersebut adalah artikel tulisan Ukasyah Abdul Mannan yang bertajuk Fiqh-al-Bukhari dari Fathul Bari (1997). Contoh lain adalah kajian Master yang memfokuskan Fiqh al-Bukhari di dalam Kitabul-Libas dan Zinah di dalam Sahih Bukhari oleh Said Bin Ahmad (2011).

Faktor ulamak mensyarahkan hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari semisal al-Asqalani (W852H) dan juga al-Aini (W855H), menyebabkan ramai juga ulamak lain bangkit menulis syarah atau kajian yang menumpukan aspek-aspek yang khusus dalam hadis seperti aspek matan dan sanad. Tidak kurang juga ulamak yang menumpukan Fiqh al-Bukhari khususnya penelitian di buat dalam tarajim dan abwab (tajuk-tajuk bab) dalam Sahih al Bukhari. Antara kitab-kitab tersebut adalah kitab karangan Shah Waliyullah ad-Dahlawi (W1762M) yang bernama Syarah Tarajim Abwab Sahih-Al-Bukhari. Kitab Faidul Bari oleh Syeikh Muhammad Anuar Shah Kasymiri (W1933M) Kitab Abwab Wat-Tarajim oleh Al-Kandahlawi (W1982M) dan juga Kitab Fiqhul-Tarajim Fi Jami' - as-Sahih oleh Ad Duktur Nuruddin Itr (2009).

Namun setakat pemerhatian pengkaji, belum ada artikel kajian yang ditulis oleh mana-mana ilmuan yang menumpukan penelitian khusus mengenai fiqh-al-Bukhari dalam kitabnya Adab-al-Mufrad. Menurut pengkaji, sepertimana penilaian fiqh al-Bukhari dilakukan para ulamak melalui tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) dalam kitab sahihnya, demikian juga fiqh-al-Bukhari perlu dikaji khususnya di dalam tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) dalam kitabnya yang lain. Ini kerana, sepertimana terdapat nilai dan aspek hukum, adab-adab dan hikmah-hikmah yang diistinbatkan (deduktif) dari tarjamah-al-bab dari Sahih-al-Bukhari, begitu juga aspek yang sama sudah tentu terdapat di dalam tarjamah-al-bab dalam kitabnya yang lain. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti fiqh-al-Bukhari yang terkandung di dalam kitab Adab-al-Mufrad khususnya bagaimana istinbat (diduktif) yang dilakukan oleh al-Bukhari melalui tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang disusun oleh beliau dalam kitab Adab-al-mufrad.

Kesimpulan

Secara kesimpulan, kajian ini menumpukan kepada konsep fiqh al-hadis Imam al-Bukhari (256H) dalam Kitab Adab-al-Mufrad. Secara spesifiknya kajian ini akan meneliti fiqh, ijtihad hukum, hikmah-hikmah dan adab-adab yang diistinbat (deduksi) oleh pengarang yang diletakkan dalam tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) dalam kitab ini. Dalam masa yang sama, kajian ini akan menonjolkan ketokohan Imam al-Bukhari sebagai ulamak hadis yang disegani dalam bidang ilmu, terutama dalam ilmu hadis dan fiqh. Justeru, kajian ini adalah antara wasilah dalam membantu umat Islam untuk memahami fiqh Imam al-Bukhari yang terkandung dalam Kitab Adab-al-Mufrad. Ianya juga sesuai dengan objektif kitab ini ditulis iaitu untuk membuka kefahaman pembaca bahawa kehebatan seni fiqh al-Bukhari bukan sahaja semata-mata-terkandung dalam tarjamah al-bab (tajuk-tajuk bab) dalam kitab Sahih-al-Bukhari, tetapi Imam al-Bukhari juga menghidangkan seni fiqh-al-hadis, metode istinbat hukum-hukum, hikmah dan juga adab-adab yang beliau terapkan samada secara zahir ataupun secara tersirat melalui tarjamah-al-bab (tajuk-tajuk bab) yang disusun beliau dalam kitab Adab-al-Mufrad.

Bibliography

Al-Quran al-Karim

Al-Asqalani. Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari. Juzuk 1. Beirut Dar al-Ma'rifah

An-Nawawi (2007) Talkhis Al-Jami' As-Sahih Al-Bukhari. Riyadh. Darul At-Taibah Lil Nasyar Wat Tauzi'.

- Az-Zahabi (2009) Ringkasan Siyar A'lam An-Nubala. Indonesia. Penerbit Buku Islam Rahmatan.
- Al-Kandahlawi (2012) Al-Abwab Wat-Tarajim. Beirut Darul Basyair Islamiyyah
- Hussein (2021)
- Ibn Taimiyyah (2008) Majmu'-al-Fatawa. Darul Wafa.
- Ibnu Hajar (2007) Muqaddimah Fathul Bari. Lahore. Maktabah Rasyidiah
- Nuruddin Itr (2009) Fiqhul Hadis Inda Imam Al-Bukhari. Darul Basair.
- Nurhanani (2019)
- Said Bin Ahmad (2011)
- Syabir Ahmad Usmani (2012) Fadh-al-Bari Sharh Sahih Bukari Rasyidiah Library. Dhaka
- Ukasyah Abdul Manan (1997) Fiqhul Imam Bukhari Min Fathil Bari. Beirut. Darul Kutub Alamiyah.